

Rakyat perlu miliki inspirasi hasilkan reka cipta – PM

um - 9/1/2007

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 8 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat negara ini memiliki inspirasi dan kesungguhan untuk menghasilkan teknologi reka cipta tempatan tanpa bergantung kepada teknologi luar.

Perdana Menteri berkata, dalam hal ini pembabitan masyarakat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) amat perlu supaya setiap penemuan teknologi dapat memakmurkan kualiti kehidupan rakyat.

“Ini mesti dijadikan pilihan utama kerana dengan adanya peningkatan R&D, kita mampu mempunyai teknologi sendiri tanpa perlu menggunakan teknologi negara lain.

“Bahkan, sekiranya kesungguhan itu ada pada masyarakat, maka hasrat untuk melahirkan lebih ramai masyarakat Ulul Al-bab akan tercapai.

“Kita mahu melahirkan antara 5,000

Pembabitan masyarakat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) amat perlu supaya setiap penemuan teknologi dapat memakmurkan kualiti kehidupan rakyat

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Perdana Menteri

hingga 10,000 masyarakat Ulul Al-bab menjelang tahun 2020,” katanya ketika berucap merasmikan Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam di sini, hari ini.

Abdullah menjelaskan, negara tidak akan maju jika modal insan tidak berkualiti dan tidak cukup menguasai bidang-bidang tertentu terutama dalam sains dan teknologi.

“Apa yang kita usahakan dalam sistem persekolahan dan institusi pengajian tinggi yang ada sekarang adalah bagi melengkapkan lagi usaha supaya kita menjadi bangsa yang berjaya dan mencapai Wawasan 2020.

“Sehubungan itu, kita perlu mengejar kecemerlangan, kegemilangan dan kejayaan serta segala perancangan yang bakal dilaksanakan mestilah ke arah itu,” katanya.

Menurut Abdullah, adalah penting tenaga yang ada mempunyai keupayaan dari segi ilmu pengetahuan, kekuatan mental dan batin serta kesungguhan untuk mengejar kemajuan.

Mengenai pameran tersebut yang memamerkan 148 bahan berupa replika model-model hasil ciptaan ilmuwan Islam silam dalam pelbagai bidang sains dan teknologi, Abdullah berkata, ia membuktikan tamadun Islam telah mencapai kece-

merlangan sejak zaman dahulu.

“Saya harap semua yang mengunjungi pameran ini sama ada rakyat Malaysia, orang Islam, pelajar dan orang bukan Islam rasa terpengil serta mempunyai inspirasi untuk mengikuti jalan yang dipilih oleh saintis dalam mereka cipta bagi kebaikan manusia,” katanya.

Kata beliau, dari apa yang dilihat, segala reka cipta itu mempunyai satu matlamat iaitu untuk kesejahteraan manusia.

“Ia menambah baik bidang pertanian, sains hayat, perubatan dan penyelidikan supaya umat Islam pada waktu itu menjadi umat yang cemerlang, sekali gus menjadikan dunia Islam dunia yang cemerlang.”

Pada majlis tersebut, Abdullah turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kepada Pengasas dan Pengarah Institut Sejarah Sains Islam-Arab, Johann Wolfgang Goethe Universiti Frankfurt, Jerman, Prof. Dr. Fuat Sezgin.

Selain itu, sebuah kursi Prof. Dr. Fuat Sezgin akan diwujudkan di UTM.